

27 JUN 2002

Sukma

WILAYAH AUSTRALIA UTARA SERTAI SUKMA DI SABAH

PULAU PINANG, 27 Jun (Bernama) -- Wilayah Australia Utara akan menghantar antara 30 dan 50 orang atlet untuk mengambil bahagian pada Sukan Malaysia (Sukma) Kesembilan di Sabah pada 5 Sept ini, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah, Datuk Yahya Hussin hari ini.

Beliau berkata wilayah itu menerima jemputan kerajaan negeri Sabah baru-baru dan akan menyertai lima daripada 27 acara sukan yang dipertandingkan pada sukan itu.

Antara acara itu ialah golf, lumba basikal, boling tenpin dan olahraga.

"Undangan dari Kerajaan Negeri Sabah diterima oleh wilayah itu kerana hubungan baik yang sudah lama terjalin," katanya kepada pemberita selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon di Dewan Orang Ramai Kongsi Balik Pulau di sini, hari ini.

Rombongan kerajaan negeri Sabah itu turut diraikan pada Majlis Jamuan Durian Bersama Ketua Menteri dan anggota Majlis Pembangunan Negeri Pulau Pinang di dewan itu.

Yahya berkata lebih 6,600 atlet mengesahkan peryertaan pada Sukma kali ini termasuk 200 atlet dari Brunei.

Secara keseluruhannya, semua persiapan untuk menyambut Sukma kini di peringkat akhir dan Sabah telah bersedia mengelolakan temasya itu, katanya.

Beliau berkata perasmian Sukma akan dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai pada 7 Sept manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan penutupan sukan itu pada 14 Sept.

Sementara itu, Koh berkata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya akan mewakili Pulau Pinang membawa obor sukan itu ke Sabah pada 1 Ogos ini.

Katanya kira-kira 350 atlet dari Pulau Pinang akan mewakili negeri ini pada temasya itu dengan turut mengambil bahagian dalam dua acara baru iaitu Judo dan Lawan Pedang.

-- BERNAMA

NER NAK